

27 JUL 2004

LID2004-PLATFORM

M'SIA JUGA BELAJAR DARI NEGARA MEMBANGUN, KATA DR AHMAD ZAHARUDIN

Oleh: Muin Abdul Majid

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Global 2004 Dialog Antarabangsa Langkawi

(LID 2004) bukan hanya sebagai platform bagi Malaysia untuk menyampaikan

ilmu pengetahuannya kepada negara-negara membangun tetapi juga bertindak

sebagai medan baginya mempelajari daripada kejayaan dan kesilapan mereka.

Semasa menolak dakwaan bahawa LID yang berlangsung dua tahun sekali itu

"hanya sembang-sembang", Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr

Ahmad Zaharudin Idrus berkata adalah tidak tepat untuk menganggap yang

Malaysia tidak mempelajari apa-apa daripada negara-negara Selatan.

Dalam satu temubual dengan dengan Bernama, beliau berkata: "Saya selalu

merasakan yang kita dapat mempelajari sesuatu daripada yang lain, malah

daripada kesilapan orang lain.

"Kita juga belajar daripada kesilapan kita sendiri kerana dalam proses

menilai bagaimana kita berada di tahap ini, saya pasti kita telah melalui

pelbagai kesilapan yang perlu kita atasi."

LID 2004, sebahagian daripada Dialog Antarabangsa mengenai siri Perkongsian Pintar yang juga diadakan di Afrika, akan berlangsung

selama

tiga hari di pulau peranginan Malaysia, Langkawi mulai Khamis ini.

Dr Ahmad Zaharudin berkata Malaysia mahu melihat lebih banyak penyertaan negara maju dalam LID yang berkembang hasil daripada idea bekas

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1995.

Negara-negara seperti United Kingdom, Australia dan New Zealand dijemput ke Langkawi untuk bersama-sama kebanyakan negara Afrika dan Asia.

Beliau berkata kehadiran lebih banyak negara maju bersama-sama negara

membangun merupakan suatu yang baik memandangkan ia akan mewujudkan pelbagai idea, bakat dan sumber untuk menghasilkan keadaan "sama-

sama

menang".

"Saya merasakan bahawa penglibatan dunia kini terlalu banyak dalam

falsafah "saya menang anda kalah" yang dapat dilihat dalam banyak peristiwa

termasuk perang Iraq. Saya tidak fikir yang dunia perlu wujud dengan falsafah sedemikian," katanya.

Mengenai sama ada beliau melihat adanya perubahan besar dalam LID

dengan peralihan kepimpinan di Malaysia, Dr Ahmad Zaharudin berkata semangat LID, bersandarkan kepada falsafah "sama-sama menang" dan "memakmurkan jiran", akan terhasil.

-- BERNAMA

MAM TOM NHD